

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 37

### Bukti pemulihan ekonomi semakin jelas

# Bukti pemulihan ekonomi semakin jelas

**Indeks Pelopor** (IP) melepasinya 100 mata dan bergerak ke atas pada November 2021, sekali gus memberi isyarat bahawa Malaysia mengalami pemulihian ekonomi lebih baik pada bulan mendatang, demikian mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata prestasi IP kekal optimistik dengan mencatatkan 111.3 mata pada November 2021 (November 2020: 109.4 mata) apabila ekonomi beransur pulih daripada gangguan akibat COVID-19.

Katanya, ini selaras de-

ngan pertumbuhan IP sebanyak 1.7 peratus tahun ke tahun, terutama didorong kenaikan dalam Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan.

“Menelusuri perspektif bulan ke bulan, trend sama didapati oleh IP dengan mencatatkan 1.6 peratus pada November 2021, melonjak daripada negatif 0.9 peratus pada Oktober 2021 yang disumbangkan, terutama oleh Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (0.7 peratus) dan Penawaran Wang Benar, M1 (0.6 peratus).

“IP yang menunjukkan keupayaan untuk menjangka hala tuju ekonomi

lebih awal menggambarkan prospek ekonomi yang lebih baik dengan mengekalkan paras indeks melepasinya 100 mata dan bergerak ke atas, memberi isyarat bahawa Malaysia mengalami pemulihian ekonomi yang lebih baik pada bulan mendatang.

“Banjir baru-baru ini dijangka memberi kesan terhad kepada pemulihian ekonomi. Tindakan pantas kerajaan dalam menyediakan inisiatif bantuan iaitu Bantuan Banjir Keluarga Malaysia berjumlah RM1.4 bilion dijangka dapat memulihkan aktiviti ekonomi di kawasan terjejas,” katanya dalam kenyataan.